



- 1. JURUTEKNIK RENDAH
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
E.1-2-3 EB.4 [\$515 - \$875 SEBULAN]
KEKOSONGAN= 4**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Ukur dalam jawatan yang berkaitan dalam tanggagaji F.3 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji F.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dalam tanggagaji F.3 tidak kurang 4 tahun atau dalam tanggagaji F.1 tidak kurang dari 6 tahun.

2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu. Mempunyai pengetahuan yang baik dalam Bahasa Inggeris adalah kelebihan.

3. Pengalaman dan kebolehan praktikal yang terbukti dalam salah satu bidang kerja-kerja ukur tanah atau pemetaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUTEKNIK RENDAH:

1. Melaksanakan kerja-kerja di unit-unit di bawah Bahagian Ukur Tanah atau Pemetaan Informatik.
2. Memastikan perjalanan kerja mengikut Work Instruction dalam Sistem Pengurusan Berkualiti (ISO 9001)



3. Membantu Juruteknik Ukur dalam Pengukuran tanah dan pemetaan dilaksanakan dengan betul.
4. Memasukkan data-data ke dalam *database* untuk Sistem Maklumat Tanah jika diperlukan.